

Newspaper	Berita Harian
Date	6 July 2015

Najib rujuk peguam kes fitnah 1MDB

BH-6/7/2015

» PM kaji kemungkinan ambil tindakan undang-undang

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kajang

Datuk Seri Najib Razak telah merujuk ke peguamnya untuk mengambil tindakan undang-undang termasuk memfailkan saman berhubung pelbagai tuduhan liar dan jahat terhadapnya berkaitan dengan Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perdana Menteri berkata, keputusan akan dimuktamadkan dalam tempoh beberapa hari lagi.

"Ada tuduhan liar, kononnya saya songlap atau pun curi AS\$700 juta (RM2.6 bilion) duit 1MDB dan masukkan duit berkenaan ke akaun peribadi saya.

"Saya telah merujuk perkara ini kepada peguam saya dan mereka akan memberi nasihat

kepada saya, apakah tindakan-tindakan susulan dalam bentuk undang-undang serta sebagainya yang boleh saya buat (sama ada kepada pihak) di dalam dan luar negara.

Buat keputusan beberapa hari lagi "Insya-Allah, saya akan buat keputusan dalam masa beberapa hari lagi mengenai tindakan selanjutnya yang akan saya ambil berhubung dakwaan yang cukup jahat ini," katanya pada sidang media ketika menghadiri Majlis Iftar Rakyat Negeri Selangor, di Semenyih di sini, semalam.

Terdahulu Najib meninjau

tt
Insya-Allah, saya akan buat keputusan dalam masa beberapa hari lagi mengenai tindakan selanjutnya yang akan saya ambil berhubung dakwaan yang cukup jahat ini"

Najib Razak,
Perdana Menteri

pembinaan lingkaran Setia Ecohill yang sudah siap bernilai RM80 juta dan meluangkan 30 minit membeli juadah berbuka di Bazar Ramadan Taman Kesuma seperti murtabak, apam balik, gulai kawah dan air tebu.

Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel.

Kelmarin, Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail meningesahkan Pasukan Petugas Khas sedang menyalurkan dana ke akaun peribadi dipercayai milik Najib.

Pasukan terbabit dianggotai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) yang sudah membuat serbuan dan memperoleh dokumen daripada tiga syarikat, iaitu SRC International Sdn Bhd, Gandingan Mentari Sdn Bhd dan Ihsan Perdana Sdn Bhd.

Sementara itu, Najib dalam ucapannya berkata, beliau antara mangsa terbaru serangan pihak tidak bertanggungjawab secara bertubi-tubi sejak kebelakangan ini.

Menepis kesahihan dakwa-

an itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan mengkhianati amanah dan harta benda milik rakyat.

"Saya amat berterima kasih kerana ramai juga yang tidak percaya berita jahat ini, malah Mursyidul Am PAS, Datuk Haron Din pun tidak percaya. Katanya adalah tidak masuk akal jika saya melakukan perkara sedemikian.

"Kalau saya nak menyamun, takkanlah saya nak samun dan masukkan duit itu ke dalam akaun di Malaysia. Seperti yang saya katakan, perkara ini sudah dirujuk kepada peguam.

Isu diputarbelitkan "Kita tak boleh benarkan pihak luar menjatuhkan kepemimpinan kerajaan ikut suka hati mereka," tegasnya.

Beliau berkata, isu yang diputarbelitkan pelbagai pihak mutakhir ini hakikatnya adalah mainan persepsi dengan menyalahgunakan kemudahan media sosial untuk menyebarkan fitnah dan tohmahan.

Katanya, ia bukan untuk cari kebenaran tetapi semata-mata untuk menjejaskan persepsi rakyat terhadap kerajaan dan pemimpin, sekali gus mengaut undi 'simpati' menjelang pilihan raya umum.

"Mereka sepatutnya membina akal rakyat supaya berfikir secara matang, selain mengisi minda dengan fakta benar.

"Sebaliknya, apa yang mereka lakukan adalah untuk mengubah persepsi rakyat menjadi negatif supaya mereka boleh tambah undi ketika pilihan raya umum kelak," katanya.